MPSP

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

BULETIN MPSP

BIL.02/2016

MEI - OGOS

Isi Kandungan

1 PROGRAM SIHAT
2-3 PROGRAM HIJAU
4 HARI KELUARGA ANTARABANGSA PERINGKAT SEBERANG PERAI 2016
5 MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA PERMATANG TINGGI
6 MAJLIS PERASMIAN '2016 SOEM ENVIROMENT DAY'
7 MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI TAMAN MURAI JAYA, SIMPANG AMPAT , SPS
8 MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN YANG MEMERLUKAN ANJURAN PUSPANITA MPSP
9 'ROLL CALL' BERSAMA KETUA MENTERI PULAU PINANG TUAN LIM GUAN ENG
10 'GRAND OPENING OF JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL' NIBONG TEBAL, SPS
PPSEAWA INTERNATIONAL TRIENNIAL CONFERENCE 2016
11 JAMUAN RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2016
12-13 SAMBUTAN HARI MAJLIS TAHUN 2016
14 SAMBUTAN FIESTA RAYA 2016
15 BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) 2016
16 MAJLIS PELANCARAN BUKU SEJARAH BERGAMBAR SEBERANG PERAI DAN PELANCARAN BUKU 'SEBERANG PERAI: STORIES FROM ACROSS THE SEA'
17 MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2016 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
KARNIVAL KESEDARAN DENGGI
18 SEMINAR PEMAHAMAN TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA (TPPS)
19 BENGKEL PEMBANGUNAN PAKEJ BIRDWATCHING PULAU PINANG
20 DIALOG BAJET 2017
21 MAJLIS PENYAMPAIAN STAR SANCTUARY SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS 2016 (SSSPP) DAN PENGHARGAAN BAGI KOLABORASI BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) 2016
22 PROGRAM PEMANDULAN ANJING BULANAN MPSP DENGAN KERJASAMA UMK
23 LAWATAN LUAR NEGARA
·KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENANG MALAYSIA & REGIONAL PROGRAMME POLITICAL DIALOGUE ASIA THE PACIFIC, KONDRAD-ADENAUER STIFTUNG LTD
·KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA JENERAL KONSULAT JEPUN
·UN HABITAT - CECILIA ANDERSON
·DELEGASI YOKOHAMA KE PEJABAT YULAM BUKIT MERTAJAM
·GOBAL ENVIRONMENT CENTRE (GEC)
24-25 LAWATAN DALAM NEGARA
·PANEL PENILAI AIPBT
·MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
·MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG
·MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
·MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
·MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
·MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH
·MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
·IMPERIA INSTITUTE OF TECHNOLOGY
·UITM KEPALA BATAS

SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT
TUAN Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR
ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR
PUAN SALEMAH BINTI AYOB
JAWATANKUASA BULETIN MPSP

JURUGAMBAR
ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI

PROGRAM SIHAT

PENANG ZUMBA NIGHT

JKKK BUTTERWORTH CITY RIDE

BUTTERWORTH RUN 2016

PENANG RUN 2016

PROGRAM HIJAU

PELAKSANAAN KITAR SEMULA DI KAWASAN PERUMAHAN BERTINGKAT

MAJLIS PERASMIAN LONTARAN BEBOLA TANAH DAN PELEPASAN BENIH IKAN DI KOLAM TERATAI, BUKIT MERTAJAM

PENANG GREEN CARNIVAL

TAKLIMAT KITAR SEMULA BERSAMA DR. ISWANTO

GOTONG ROYONG DI JALAN JETI LAMA

TANAM POKOK LANDSKAP DI TAMAN TUNKU

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM CSR PANASONIC

MAJLIS PENYERAHAN KOTAK KITAR SEMULA SEKOLAH HIJAU DI SMK VALDOR

HARI KELUARGA ANTARABANGSA PERINGKAT SEBERANG PERAI 2016, 15 MEI 2016

Majlis Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa 2016 bertemakan 'Keluarga, Kehidupan Yang Sihat Dan Masa Depan Yang Mampan' peringkat Seberang Perai disambut di perkarangan Stadium Kompleks Sukan dan Rekreasi SPT Jalan Betek, Bukit Metajam.

Sambutan ini merupakan program yang julung kali dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Portfolio Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti bersama MPSP.

Hari Keluarga Antarabangsa dapat mencerminkan kepentingan hubungan komuniti antarabangsa kepada keluarga dan memberi peluang untuk memupuk kesedaran mengenai isu-isu yang berkaitan proses sosial, ekonomi dan demografi yang melibatkan keluarga. Disamping itu, dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan penduduk seberang perai dengan berkumpul bersama-sama, disamping beriadah dan bersukan.

MAJLIS PERASMIAN MEDAN SELERA PERMATANG TINGGI

Majlis Perasmian Medan Selera Permatang Tinggi telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Hadir sama, Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Dato' Maimunah Mohd. Sharif serta Setiausaha Perbandaran, Sr. Hj. Rozali Bin Hj. Mohamud, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang merangkap Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti YB. Chong Eng, Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk), Steven Sim Che Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam) dan Pengerusi JKKK Kampung Permatang Tinggi En. Boo Jak Siak turut sertai majlis perasmian ini.

Kos keseluruhan projek menelan belanja sebanyak RM126,000.00 dan RM100,000.00 adalah dana peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Tempoh pembinaan untuk projek ini adalah 3 minggu bermula 23 Februari 2016 hingga 15 Mac 2016 dan mampu menempatkan 16 peniaga yang mana telah memulakan perniagaan mereka di lokasi yang sama kira-kira 15 tahun yang lalu.

MAJLIS PERASMIAN
'2016 SOEM ENVIROMENT DAY'

Majlis Perasmian '2016 SOEM Enviroment Day' telah diadakan di Sony EMCS (Malaysia) Sdn. Bhd. Perasmian telah di sempurnakan oleh Sr. Hj. Rozali Bin Hj. Mohamud (Setiausaha Perbandaran).

Program ini adalah bersempena dengan hari Alam Sekitar Sedunia 2016. Dalam program yang sama, pelancaran 'Husk Cup' dan 'Biodegradable Lunch Box' turut diadakan. Turut hadir sama adalah Mr. Kishida, (Managing Director Of Sony Malaysian Sdn. Bhd.), Mr. S. Nagai (Sony PG Tec President) dan Mr. S. Ohtsuka (Sony PG Tec Deputy President).

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KELAYAKAN MENDUDUKI TAMAN MURAI JAYA, SIMPANG AMPAT, SPS

Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan Menduduki Taman Murai Jaya, Simpang Ampat telah dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, (Ketua Menteri Pulau Pinang). Sebanyak 24 buah rumah berkembar dua tingkat berharga RM328,000.00 seunit serta 19 unit rumah teres dua tingkat dengan harga RM238,00.00 seunit telah dibina.

Projek perumahan ini telah terbengkalai sejak 8 tahun yang lalu dan syarikat WMS Associates telah mengambil inisiatif untuk memulihkan projek pembangunan Taman Murai Jaya Fasa 2 ini dan menyelesaikan isu dengan pembeli seterusnya memohon pengeluaran sijil layak menduduki bagi unit-unit yang siap dibina.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Dato' Maimunah Mohd. Sharif, YB. Dato' Law Choo Kiang (ADUN Bukit Tambun), YB. Jagdeep Singh (Exco Kerja Raya, Pengangkutan & Utiliti), YB. Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Sr. Hj. Rozali Bin Mohamud (Setiausaha Perbandaran) serta Ahli-ahli Majlis MPSP.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN YANG MEMERLUKAN ANJURAN PUSPANITA MPSP

Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Kakitangan Yang Memerlukan anjuran PUSPANITA MPSP telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd. Sharif, (Yang Dipertua MPSP) dan juga merangkap Pengerusi PUSPANITA MPSP.

Seramai 40 orang kakitangan yang telah dipilih untuk menerima sumbangan berbentuk barangan keperluan serta wang tunai RM100.00 setiap seorang. Sebahagian sumbangan yang disampaikan ini adalah daripada Pejabat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang dan Syarikat The Cups Corporations Sdn. Bhd.

Sr. Hj. Rozali Bin Hj. Mohamud, (Setiausaha Perbandaran), Pn. Hjh. Che Limah Binti Ujang, (Timbalan Pengerusi PUSPANITA) serta Ahli-ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MPSP turut hadir sama bagi memeriahkan majlis ini.

'ROLL CALL' BERSAMA KETUA MENTERI PULAU PINANG TUAN LIM GUAN ENG

Roll Call bersama Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Lim Guan Eng telah diadakan di Pejabat Cawangan MPSP Jalan Betek. Semasa perjumpaan ini, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan penghargaan beliau terhadap pekerja awam MPSP yang bertungkus lumus menjalankan kerja-kerja pembersihan am dan kerja-kerja 3D (Dirty, Difficult, Dangerous).

Kerajaan Negeri memberi jaminan untuk mengekalkan dasar pengambilan pekerja tempatan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembersihan di Seberang Perai. Satu memorandum turut diserahkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengekalkan dasar tersebut. Memorandum ini diserahkan oleh Sr. Hj. Rozali Hj. Mohamud (Setiausaha Perbandaran) bagi mewakili MPSP. Turut hadir bersama ialah Ahli-ahli Majlis dan Pegawai MPSP.

GRAND OPENING OF JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL 'NIBONG TEBAL'

PPSEAWA INTERNATIONAL TRIENNIAL CONFERENCE 2016

JAMUAN RAYA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI 2016, 22 JULAI 2016

SAMBUTAN HARI MAJLIS TAHUN 2016

SAMBUTAN HARI MAJLIS TAHUN 2016 DAN HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN MPSP

FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

KEMPEN DERMA DARAH SEMPENA HARI MAJLIS

SAMBUTAN FIESTA RAYA 2016, 3 OGOS 2016

Sambutan Fiesta Raya telah diadakan di Water Front Pantai Bersih. Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Program ini diadakan dengan kerjasama antara Think City dan MPSP. Beberapa aktiviti menarik turut berlangsung seperti foodtruck, pertunjukan badut, persembahan kumpulan busking, pertunjukan bunga api dan belon gergasi.

Antara tetamu jemputan yang hadir adalah YB Tuan Lim Hock Seng; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), YB Tuan Phee Boon Poh; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Dr. Neil Khor; Ketua Pegawai Operasi Think City Sdn. Bhd. Ahli-ahli Majlis MPSP dan Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud; Setiausaha Perbandaran.

BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) 2016



Butterworth Fringe Festival 2016 atau Festival Pinggiran Butterworth 2016 diadakan pada 13 & 14 Ogos 2016 bertempat di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Festival ini merupakan penganjuran buat kali kedua hasil kolaborasi antara MPSP dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Think City Sdn. Bhd. dan George Town Festival (GTF). Butterworth Fringe Festival 2016 pada kali ini adalah berkonsepkan 'A Street Festival - Accesible To The Public' yang menyediakan pelbagai persembahan dari artis tempatan dan juga artis antarabangsa. Sebanyak 31 program tempatan dan 6 persembahan antarabangsa ditampilkan. Butterworth Fringe Festival 2016 adalah selaras dengan usaha menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif dan kreatif, sekaligus membawa kelaianan kepada seluruh penduduk Seberang Perai. Majlis pembukaan telah diadakan pada 13 Ogos 2016 yang dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang.

MAJLIS PELANCARAN BUKU SEJARAH BERGAMBAR SEBERANG PERAI DAN PELANCARAN BUKU 'SEBERANG PERAI: STORIES FROM ACROSS THE SEA'

Bersempena Butterworth Fringe Festival (BFF), dua pelancaran buku telah diadakan iaitu Buku Sejarah Bergambar Seberang Perai (Pictorial History Of Seberang Perai) dan Pelancaran Buku 'Seberang Perai : Stories From Across The Sea'

Majlis Pelancaran Buku Sejarah Bergambar Seberang Perai (Pictorial History Of Seberang Perai) terbitan syarikat Areca Books yang ditulis oleh Puan Khoo Salma Nasution dilancarkan. Lebih dari 200 keping gambar yang menceritakan tentang sejarah Seberang Perai di mana sebahagian daripada gambar tersebut melebihi 100 tahun telah direkodkan dalam buku ini.

Majlis Pelancaran Buku 'Seberang Perai : Stories From Across The Sea' telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Buku ini dikarang oleh Cik Ivy Soon dan disokong dengan gambar-gambar dari Encik Kenny Loh. Buku yang diterbitkan oleh The Star Publications ini dibahagi mengikut 3 daerah Seberang Perai dan setiap bahagian bermula dengan gambaran keseluruhan daerah dan diikuti oleh kisah penduduk setempat. Buku ini mempunyai 230 halaman dan 52 cerita serta lebih 100 keping gambar yang memfokuskan kepada senario keadaan semasa Seberang Perai.

MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG 2016 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Mydin Mall Bukit Mertajam.

KARNIVAL KESEDARAN DENGGI

Karnival Kesedaran Denggi telah diadakan di Mydin Mall, Jalan Baru dan telah dirasmikan oleh YB Dr. Afif Bin Bahardin (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan). Pelbagai program turut diadakan seperti Pameran COMBI (Communication for Behavioral Impact), derma darah, persembahan life band dan lain-lain. Turut diadakan juga sesi penyampaian hadiah kepada pemenang Booth COMBI Terbaik.

Turut hadir adalah YB Yap Soo Huey (ADUN Pulau Tikus), YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), YBhg. Dato' Dr. Noorlia Yahaya (Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang) serta Dr. Rafidah Md Noor (Pegawai Kesihatan Daerah SPT).

SEMINAR PEMAHAMAN TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STRATA (TPPS)

BENGKEL PEMBANGUNAN PAKEJ BIRDWATCHING PULAU PINANG

Satu bengkel pembangunan 'Pakej Birdwatching Pulau Pinang' anjuran Tourism Malaysia Penang telah diadakan dan bertempat di Dewan Penempatan Banjir Lubuk Meriam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP).

Bengkel ini bertujuan untuk memberi maklumat berguna secara terus kepada pengusaha homestay serta operator pelancongan yang harus ada bagi sesebuah pakej pelancongan. Selain itu, pengusaha homestay dan operator pelancongan juga akan didedahkan tentang tatacara maklumat penting bagi menyediakan sesebuah pakej pelancongan.

Turut serta dalam bengkel tersebut adalah Encik Harun Pilus (Pengarah Tourism Malaysia Penang), Encik Hishamuddin Mustafa (Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Pakej, Tourism Malaysia Putrajaya), Encik Tan Choo Eng (Malaysia Nature Society), Encik Jonathan Freedy P. Bagang (Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Pulau Pinang).

BAJET 2017

Dirasmikan Oleh:
YB Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)
Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Pengurusan Lalu Lintas Dan Tebatan Banjir
Tarikh:
Sesi "Town Hall"
DIALOG BAJET MPSP 2017
Dirasmikan Oleh:

MAJLIS PENYAMPAIAN STAR SANCTUARY SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY AWARDS 2016 (SSSPP) DAN PENGHARGAAN BAGI KOLABORASI BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL (BFF) 2016

PROGRAM PEMANDULAN ANJING BULANAN MPSP DENGAN KERJASAMA UMK

Program Pemandulan Anjing Bulanan MPSP dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan sedang diadakan hari semalam (Khamis) 11 Ogos 2015 di Pejabat Cawangan SPT MPSP Jalan Betek. Kerjasama strategic ini dilaksanakan selaras dengan Pelan Tindakan dibawah Pelan Strategi Anjing Terbiar Sifar 2015-2018 yang menggalakkan pemandulan anjing dikalangan pemilik anjing. Program sehari ini merupakan kali keempat untuk tahun 2016.

LAWATAN LUAR NEGARA

KUNJUNG HORMAT DARIPADA REGIONAL PROGRAMME POLITICAL DIALOGUE ASIA AND THE PACIFIC KONRAD-ADENAUER STIFTUNG LTD

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA JENERAL KONSULAT JEPUN

KUNJUNG HORMAT DARIPADA UN HABITAT CECILIA ANDERSON

DELEGASI YOKOHAMA KE PEJABAT YULAN BUKIT MERTAJAM

GLOBAL ENVIRONMENT CENTRE (GEC)

LAWATAN DALAM NEGARA

PANEL PENILAI AIPBT

MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

MAJLIS PERBANDARAN TEMERLOH

MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

IMPERIA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

UITM KEPALA BATAS

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel: 04-5497555 Faks: 04-5389700 Website: www.mpsp.gov.my Email: webmaster@mpsp.gov.my